

**GAYA KEPIMPINAN PENGETUA DAN TAHAP KEPUASAN
KERJA GURU DI SEKOLAH-SEKOLEH MENENGAH
DAERAH KUALA KRAI KELANTAN**

NIK MUZA BIN NIK COB © NIK MAT

**INSTITUT PENGAJIAN KEPENGETUAAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

JULAI 2009



696671

129969

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat gaya kepemimpinan pengetua, tahap kepuasan kerja guru dan hubungan antara kedua-dua aspek ini di sembilan buah sekolah menengah daerah kuala Krai. Gaya kepemimpinan pengetua dilihat dari dimensi pendayautamaan struktur dan dimensi timbang rasa. Manakala tahap kepuasan kerja pula di lihat dari lima dimensi iaitu dimensi pengajaran guru, dimensi kepemimpinan pengetua, dimensi tugas bukan mengajar, dimensi interpersonal dan dimensi ganjaran bukan kewangan. Kajian yang dijalankan ini mempunyai objektif seperti berikut : 1) Mengenal pasti gaya kepemimpinan pengetua berdasarkan pandangan guru. 2) Mengenal pasti tahap kepuasan kerja guru di sekolah-sekolah menengah yang dikaji. 3) Melihat hubungan antara gaya kepemimpinan pengetua dengan kepuasan kerja guru. 4) Melihat perbezaan dalam kepuasan kerja guru mengikut jantina, umur dan pengalaman mengajar guru. Kajian ini menggunakan instrumen '*Leadership Behaviour Description Questionnaire*' (LBDQ) dan '*Job Descriptive Index*' (JDI). Soal selidik telah ditadbirkan kepada 231 responden yang terpilih. Data kajian telah dianalisis menggunakan *statistical package of social sciences (SPSS)*. Statistik deskriptif seperti min, mod, sisihan piawai dan korelasi Spearman Rho digunakan di samping perbezaan dianalisa menggunakan ujian Mann-Whitney U and Kruskal-Wallis H. Dalam aspek gaya kepemimpinan pengetua dapatan menunjukkan bahawa semua pengetua berada pada sukuan satu dengan mengamalkan kombinasi kedua dua dimensi gaya kepemimpinan pendayautamaan struktur dan dimensi timbang rasa pada tahap tinggi dengan lima orang pengetua lebih mengamalkan dimensi pendayautamaan struktur manakala empat orang pengetua lagi lebih mengamalkan gaya kepemimpinan dimensi timbang rasa. Hasil kajian juga mendapati tahap kepuasan kerja guru secara keseluruhannya adalah sederhana dengan dua buah sekolah berada pada tahap kepuasan kerja yang tinggi sementara Sembilan sekolah yang lain berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan sederhana yang signifikan dan positif di antara stail kepemimpinan pengetua dengan tahap kepuasan kerja guru. Kajian juga mendapati wujud perbezaan yang signifikan di antara tahap kepuasan kerja guru berdasarkan jantina manakala untuk faktor umur dan faktor tempoh perkhidmatan adalah tidak signifikan. Sebagai kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa gaya kepemimpinan pengetua menyumbang kepada tahap kepuasan kerja guru. Berdasarkan dapatan kajian beberapa cadangan dikemukakan.